


Pencapaian UMP dalam P&P diiktiraf



Kuala Lumpur, 6 Ogos- Universiti Malaysia Pahang UMP) meraih satu pingat emas dan dua pingat gangsa dalam Innovative Practices In Higher Education Expo 2015 (I-PHEX) yang berlangsung di Dewan Besar Tan Sri Ainuddin, UTM Kuala Lumpur baru-baru ini.

Penganjuran kali kedua selepas ianya diperkenalkan pada tahun lalu di peringkat antarabangsa ini menyaksikan program anjuran bersama oleh Pusat Pendidikan Kejuruteraan (CEE) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), PETROSAINS dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, International Federation of Engineering

Education Societies (IFEES), Society for Engineering Education Malaysia (SEEM) dan the Institute of Engineers Malaysia (IEM).

Pingat emas telah dimenangi oleh pensyarah kanan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Dr. Mohd Ruslim Mohamed melalui inovasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) bertajuk "Implementation of Integrated Student Capability System (IMS Academic) for all Academic Programs at Universiti Malaysia Pahang towards Integrated CGPA".



Manakala pingat gangsa diraih oleh pensyarah kanan dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Dr. Adzhar Kamaludin dan pensyarah kanan dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi melalui inovasi masing-masing iaitu "Student Engagement through Integration of Flipped Classroom and Problem based Learning Approaches for Class of Repeat Students" dan "Computer-mediated intercultural communication through the window of English as a lingua franca".

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, ekspo ini mengiktiraf seterusnya memberi ganjaran kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang lebih tinggi.

"Bagi penganjur kali ini, sebanyak sepuluh penyertaan yang dihantar oleh UMP telah diterima oleh pihak penganjur meliputi pelbagai kategori yang dipertandingkan antaranya inovasi kurikulum, inovatif penilaian, inovatif pelajar menggunakan pendekatan pembelajaran SCL, program khas sokongan akademik, pendidikan untuk pembangunan berterusan dan kelbagaian pembelajaran.



Katanya, penyertaan dalam kalangan pensyarah ini dilihat bukan sahaja merupakan satu peluang untuk mempromosikan amalan inovatif berkaitrapat dengan P&P di peringkat antarabangsa malahan ianya juga merupakan satu platform yang boleh dimanfaatkan oleh staf akademik UMP kepada amalan inovatif P&P daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang turut serta," katanya.

Selain itu, penyertaan ini turut mempromosikan amalan inovatif yang berkaitrapat dengan pengajaran dan pembelajaran di universiti ini UMP serta berkongsi amalan inovatif daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang lain.

Berita dan gambar disediakan Juliana Mohd. Ali dari Pusat Inovasi dan Daya Saing, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 11-08-2015, 15:20:43